

# 'Perjuangan Umno sejajar kehendak Islam'

BH 23/6/03

KUALA LUMPUR: Beberapa tokoh agama menyifatkan perjuangan Umno adalah sejajar dengan kehendak Islam di samping mengambil peluang menggunakan penguasaan politik sedia ada untuk mengukuhkan agama.

Bekas Imam Masjid Putra di Putrajaya, Tan Sri Abdul Kader Talib, berkata apa yang dilaksanakan Umno ketika ini menjurus kepada mempertahankan serta memperkuat kedudukan umat Islam selain memperbetulkan penyelewengan.

Beliau berkata, cubaan mana-mana pihak menggunakan kefahaman sendiri dalam memperjuangkan Islam walaupun berpandukan undang-undang Islam tetap dianggap menyeleweng.

"Umno tidak membuat tafsiran sesuka hati dan mereka juga tidak mengikut kehendak parti. Umno sentiasa menjadikan Islam sebagai tempat bersandar.

"Bagaimanapun, jika ada pihak yang menggunakan parti untuk tujuan lain dan hanya menggunakan tafsiran sendiri, ia sudah terkeluar daripada Islam.

"Jika kita mengikut kehendak al-Quran dan

hadis, kita selamat..." katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Umno mengenai Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung Umno ke-54 kelmarin, berkatasetiap parti politik ada kelemahan dan kesalahannya tetapi apabila menggunakan nama Islam tindak-tanduk pemimpinnya akan turut dikaitkan dengan Islam dan keadaan itu tidak dapat diterima.

Beliau mengkritik kepimpinan Pas yang dianggap sudah lari jauh daripada perjuangan pemimpin awal mereka sebelum ini.

Abdul Kader berkata, dakwaan Pas yang menyamakan Tuhan dengan samseng adalah contoh paling kuat yang menyifatkan tindakan parti itu ingin mencapai sesuatu yang tidak diredhai Tuhan.

Mufti Wilayah Persekutuan, Prof Dr Mohamad Yusof Hussain, berkata adalah wajar sekiranya mana-mana pihak menggunakan kedudukan dalam kuasa politik sekarang untuk menaikkan imej Islam.

Beliau berkata, kerisauan yang disuarakan Perdana Menteri itu sebenarnya adalah bagi membetulkan keadaan di mana berlakunya penyimpangan dalam Islam.

"Kita mesti buat apa yang baik untuk Islam, tetapi tindakan mereka yang sebaliknya menyebabkan Perdana Menteri kita kecewa. Ini kerana jika ia dibiarkan, ia akan merosakkan agama.

"Kita tidak mahu berlakunya keadaan seperti orang Melayu yang melakukan kesalahan sekaligus dikatakan merosakkan bangsa.

"Bagaimanapun, jika ada pemimpin yang mendabik dada mengatakan berjuang untuk agama tetapi bercanggah dengan ketetapan sebenar, ia tidak berguna," katanya.